

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran tender terbuka adalah dipelawa kepada **kontraktor-kontraktor (*T1) bertaraf Bumiputera** yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk tender berikut:-

T3/22/BM/JPPA/29/KCK-Z1 : Perkhidmatan Pemeriksaan, Pengujian Dan Penyelenggaraan Sistem Pencegah Kebakaran Di Zon 1 (Kampus), Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, Kelantan Bagi Tempoh 3 Tahun.

Kelayakan Gred CIDB – G3

T3/22/BM/JPPA/29/KCK-Z2 : Perkhidmatan Pemeriksaan, Pengujian Dan Penyelenggaraan Sistem Pencegah Kebakaran Di Zon 2 (HUSM), Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, Kelantan Bagi Tempoh 3 Tahun.

Kelayakan Gred CIDB – G2 (Kelantan Sahaja)

Kelayakan : **Kategori** - **ME** (Mekanikal)
Pengkhususan - **M02** (Sistem Pencegahan & Perlindungan Kebakaran).

Tarikh & Tempat Taklimat / Lawatan Tapak : **21 September 2022 (Rabu), Jam 2.30 Petang**
Bilik Mesyuarat Jabatan Pembangunan & Pengurusan Aset, Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, Kelantan.

Syarat Taklimat & Lawatan Tapak : i) Petender **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat dan lawatan tapak. Dokumen hanya dijual kepada petender yang telah menghadiri taklimat dan lawatan tapak sahaja.
ii) Ianya **perlu dihadiri oleh penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontrak dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan**.
iii) Syarikat **tidak boleh mewakilkan pegawai lain** selain daripada penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontrak dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan.

Tarikh Tutup Tender : **13 Oktober 2022 (Khamis), Jam 12.00 Tengah Hari.**

Tarikh Dokumen Dijual : **22 September 2022** hingga **6 Oktober 2022.**

Harga Dokumen : **RM100.00 (Senaskah)** dalam bentuk *softcopy* mengikut zon boleh dibayar melalui akses kepada laman web e-payment (<https://epayment.usm.my/>) dengan klik kepada **perkhidmatan jualan borang tender.**

Syarat Permohonan Dokumen Softcopy : Petender wajib melengkapkan maklumat permohonan dan memastikan alamat emel syarikat yang didaftarkan masih aktif serta mengemukakan secara atas talian dokumen seperti berikut:

- i) Resit / Bukti Pembayaran melalui sistem e-payment yang telah dibuat. **(Sebarang tuntutan semula bagi pembelian dokumen tidak akan dikembalikan).**
- ii) Sijil Pendaftaran dengan CIDB dan Sijil Perakuan Pendaftaran Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK).
- iii) Salinan Sijil Pendaftaran Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (Pusat Khidmat Kontraktor–PKK).

**Pautan Permohonan
Dokumen *Softcopy***

- : **T3/22/BM/JPPA/29/KCK-Z1**
<https://usmprism.usm.my/sedt/i.php?td=T3/22/BM/JPPA/29/KCK-Z1>
- T3/22/BM/JPPA/29/KCK-Z2**
<https://usmprism.usm.my/sedt/i.php?td=T3/22/BM/JPPA/29/KCK-Z2>

**Syarat Penghantaran
Dokumen**

- : i) Penghantaran Dokumen Tawaran Tender dalam bentuk ***hardcopy*** yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditulis di sebelah atas kiri sampul Nombor, Nama Tender dan dimasukkan sendiri ke dalam peti tawaran di **Unit Perolehan & Aset , Jabatan Bendahari, Kompleks Pentadbiran Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia, 16150 Kubang Kerian, Kelantan.**
- ii) Petender dibenarkan untuk menghantar dokumen tawaran tender melalui pos berdaftar/kurier. Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba dan dimasukkan ke dalam peti tender pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup tender selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Petender yang tidak mendapat sebarang maklum balas atau jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.

*** Pihak Universiti berhak menerima kesemua atau sebahagian dari tawaran tender tersebut dan tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau mana-mana tender.**